

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Tarikh: <tarikh>

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk ini menyediakan maklumat penting tentang insurans kemalangan diri anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca Lembaran Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

1 Apa itu Child Accident Rider?

Child Accident Rider ialah rider pembayaran premium tanpa penyertaan yang menyediakan perlindungan bagi kematian atau Ketidakupayaan Kekal dan Menyeluruh akibat kemalangan. Rider ini juga menyediakan Manfaat Ketidakupayaan Hayat dan Manfaat Pembayaran Balik Kos Perubatan dan Pembedahan akibat kemalangan.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat-Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, bagi **RM550.00*** secara tahunan, anda akan menerima **perlindungan** seperti yang berikut:

*Premium yang ditunjukkan adalah terpakai untuk kanak-kanak (kelas pekerjaan 1), berumur 10 tahun pada hari jadi berikutnya, dengan tempoh rider selama 15 tahun, Jumlah Diinsuranskan sebanyak RM100,000 dan risiko piawai.

Kematian Disebabkan Kemalangan atau Ketidakupayaan Kekal dan Menyeluruh ¹	Tahun Polisi Pertama:	
	(a) Kematian	RM150,000
	(b) Ketidakupayaan Kekal dan Menyeluruh di atas kehilangan penggunaan dua anggota	RM150,000
	(c) Hilang penglihatan menyeluruh yang tidak boleh disembuhkan bagi kedua-dua belah mata	RM150,000
	(d) Hilang penglihatan menyeluruh yang tidak boleh disembuhkan bagi sebelah mata dan Ketidakupayaan Kekal dan Menyeluruh di atas kehilangan penggunaan satu anggota	RM150,000
	(e) Hilang penglihatan menyeluruh yang tidak boleh disembuhkan bagi sebelah mata	RM100,000
	(f) Hilang penglihatan menyeluruh sebelah mata yang tidak boleh disembuhkan kecuali dari persepsi cahaya	RM50,000
	(g) Hilang Upaya bertutur dan pendengaran yang menyeluruh dan kekal	RM100,000
	(h) Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh bagi kehilangan penggunaan satu anggota	RM100,000
	(i) Hilang Upaya pendengaran menyeluruh dan kekal bagi kedua-dua belah telinga	RM75,000
	(j) Hilang pendengaran menyeluruh dan kekal sebelah telinga	RM25,000
	(k) Hilang upaya bertutur menyeluruh dan kekal	RM50,000
	(l) Hilang menyeluruh dan kekal ibu jari dan empat jari sebelah tangan	RM75,000
	(m) Hilang ibu jari	
	- Kedua-dua ruas	RM30,000
	- Satu ruas	RM15,000
	(n) Hilang menyeluruh dan kekal empat jari sebelah tangan	RM40,000
	(o) Hilang jari telunjuk	
	- Tiga ruas	RM10,000
	- Dua ruas	RM8,000
	- Satu ruas	RM6,000
	(p) Hilang jari hantu - tiga ruas	RM5,000
	(q) Hilang jari manis - tiga ruas	RM5,000
	(r) Hilang jari kelingking - tiga ruas	RM5,000
	(s) Hilang jari kaki	
	- Semua	RM15,000
	- Ibu jari, kedua-dua ruas	RM5,000
	- Ibu jari, satu ruas	RM3,000
	- Jari selain ibu jari, setiap satu	RM1,000

	Jumlah maksimum yang akan dibayar adalah RM100,000 , kecuali bagi (a) hingga (d) adalah RM150,000 .
Ketidakupayaan Hayat ¹	Tahun Polisi Pertama: RM12,000 setiap tahun sehingga Hayat yang Diinsuranskan berumur 24 tahun pada hari jadi berikutnya; dan RM200,000 pada akhir tempoh rider.
Pembayaran Balik Kos Perubatan dan Pembedahan ¹	Tahun Polisi Pertama: Sehingga RM10,000
¹ Jumlah Diinsuranskan akan meningkat sebanyak RM3,000 daripada Jumlah Diinsuranskan asal setiap tahun pada ulang tahun rider, yang dirujuk sebagai Jumlah Diinsuranskan Berkuatkuasa dan manfaat yang perlu dibayar akan berbeza berdasarkan Jumlah Diinsuranskan Berkuatkuasa.	
Perlindungan Tambahan	Tidak berkenaan.
Insurans kemalangan diri anda tidak termasuk : - Mencederakan diri sendiri secara sengaja atau membunuh diri sama ada berkeadaan waras atau tidak waras; - Apa-apa kecederaan yang dialami semasa di bawah pengaruh alkohol, dadah atau narkotik; dan - Apa-apa kecederaan yang dialami semasa terlibat dalam sukan profesional, polo, lompat jauh, larian berhalangan, panjat gunung, sukan musim sejuk atau memburu. Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Anda harus rujuk kepada kontrak tambahan bagi senarai pengecualian yang penuh.	

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

MCIS Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans kemalangan diri anda, anda boleh:



Hubungi
03-7652 3388



Emel
customerservice@mcis.my

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Bagi insurans kemalangan diri anda, anda harus membayar premium sebanyak:	
Premium	<jumlah premium> secara <kekerapan> bagi Jumlah Diinsuranskan sebanyak <jumlah>. Premium adalah dikenakan ke atas risiko piawai.
Tempoh Rider: <tempoh> tahun	Tempoh Pembayaran Premium: <tempoh> tahun
Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj yang berikut:	
Komisen	<peratusan> daripada jumlah premium dibayar atau <jumlah komisen>.

4 Terma Penting Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan, pekerjaan dan aktiviti peribadi dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin mengalami risiko tuntutan anda ditolak atau rider anda ditamatkan. - Terma rider dan premium mungkin berbeza bergantung pada keperluan pengunderaitan oleh MCIS Insurance Berhad. - Premium adalah dijamin. - Rider anda akan luput sekiranya sebarang premium tidak dibayar dalam tempoh tangguh Polisi, melainkan Polisi anda telah memperolehi nilai serahan terjamin. - Anda boleh mendapatkan maklumat mengenai prosedur tuntutan dan borang-borang yang berkenaan dengan menghubungi MCIS Insurance Berhad. - Jika anda bertukar polisi anda daripada satu syarikat insurans kepada yang lain atau bertukar daripada satu jenis pelan insurans kepada yang lain, anda mungkin dikenakan terma dan syarat baharu oleh pelan insurans baharu atau syarikat insurans baharu. Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Anda harus rujuk kepada kontrak tambahan bagi senarai terma dan syarat yang penuh.	
--	--

? Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada MCIS Insurance Berhad.

- Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan rider anda dalam tempoh 15 hari dari tarikh penghantaran Polisi. MCIS Insurance Berhad akan membayar balik kepada anda premium yang telah dibayar tolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung tanpa faedah.
- Selepas Tempoh Bertenang:** Jika anda membuat keputusan untuk tidak meneruskan rider anda selepas tempoh bertenang, anda boleh membatalkan dengan menulis kepada MCIS Insurance Berhad.